

14/02/2001

PM temui pemimpin BN Sabah

ti Nor Azizah Talata; Rocky Mabin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah secara berasingan esok bagi mendapatkan pandangan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Pertemuan itu dikatakan akan diadakan di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya selepas mesyuarat Kabinet.

Menurut sumber, Dr Mahathir akan menimbang semua pandangan pemimpin itu sebelum membuat keputusan muktamad.

"Perdana Menteri mungkin mengumumkan sama ada sistem itu dikekalkan atau dimansuhkan menjelang hujung minggu melalui kenyataan akhbar," katanya.

BN Sabah dianggotai sembilan parti komponen - Umno, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Maju Sabah (SAPP), Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun Bersatu (Upko), Parti Liberal Demokratik (LDP), Angkatan Keadilan Rakyat Sabah (Akar), Gerakan, MCA dan MIC.

Bagaimanapun menurut sumber itu, Dr Mahathir akan hanya menemui pemimpin parti komponen BN yang berpangkalan di Sabah iaitu Upko, PBRS, Akar, LDP dan SAPP.

Semalam, Dr Mahathir berkata beliau akan memanggil pemimpin parti komponen BN Sabah secara berasingan bagi mendapatkan pandangan berhubung sistem penggiliran itu yang diperkenalkan pada 1994.

Sebelum ini ada desakan supaya sistem itu dimansuhkan, tetapi ada juga yang mahu ia diteruskan. Sistem itu diperkenalkan bagi mewujudkan kestabilan politik Sabah dengan menggilirkan pemimpin tiga kaum utama menjadi Ketua Menteri setiap dua tahun.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera Bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Osu dilantik Ketua Menteri sehingga hari ini. Penggal dua tahunnya dijadualkan tamat pada pertengahan bulan depan.

Di KOTA KINABALU, beberapa pemimpin parti komponen BN Sabah mengesahkan akan menemui Dr Mahathir di Putrajaya esok.

Bagaimanapun, mereka yang dihubungi enggan menyatakan pendirian parti berhubung sistem itu sama ada perlu diteruskan atau sebaliknya.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, yang penggal dua tahun mengikut sistem penggiliran akan tamat pertengahan bulan depan, mengesahkan akan menemui Dr Mahathir di Putrajaya, jam 5.30 petang esok.

Ditanya apakah pertemuan itu untuk membincang soal penggiliran jawatan berkenaan, Osu menjawab: "Saya tidak tahu... tapi ia susulan daripada lawatan Perdana Menteri semalam yang meminta laporan mengenai beberapa perkara berbangkit."

Katanya, ia termasuk perkara yang disuarakan ketika pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno dan dialog bersama beberapa bahagian Umno serta ketika sarapan pagi bersama anggota Kabinet negeri.

Ketika ditemui selepas majlis angkat sumpah ahli Majlis Daerah Papar di Papar, beliau berkata, BN Sabah tidak perlu lagi mengadakan mesyuarat membincang isu penggiliran itu.

Katanya, setiap parti komponen BN Sabah boleh menyatakan secara terus pendirian mereka kepada Dr Mahathir selaku Pengerusi BN yang kemudian akan membuat keputusan.

"Tak payah mesyuarat lagi. Soal ini diputuskan di peringkat tinggi. Jadi elok (parti komponen BN) terus bincang dengan Pengerusi BN," katanya.

Presiden LDP, Datuk Chong Kah Kiat, pula berlepas ke Kuala Lumpur petang ini dan dijadual bertemu Dr Mahathir tengah hari esok.

Chong yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Sabah, bagaimanapun enggan mengulas pendirian parti itu berhubung sistem penggiliran itu.

Presiden Upko, Tan Sri Bernard Dompok, juga mengesahkan akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri petang esok.

Ketika dihubungi, beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu pihaknya akan menyatakan pendirian parti berhubung sistem berkenaan.

Ketua Penerangan SAPP, Richard Yong, berkata pihaknya sudah dimaklumkan bahawa Perdana Menteri akan berjumpa semua pemimpin parti komponen BN Sabah termasuk Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, di Kuala Lumpur esok.

Beliau berkata, Yong menyambut baik pertemuan itu bagi membolehkan SAPP menyuarkan pandangan mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Naib Presiden PBRS, David Tiongin Lumbok, ketika dihubungi berkata beberapa pemimpin parti itu termasuk Setiausaha Agung, Louis Rampas berlepas ke Kuala Lumpur lewat hari ini.

Bagaimanapun, katanya, tidak diketahui sama ada pemimpin terbabit akan menemui Perdana Menteri. Presiden PBRS, Tan Sri Joseph Kurup, tidak dapat dihubungi untuk mengulas.

Ketua MIC Sabah, V Jothi, ketika dihubungi berkata adalah terlalu awal untuk parti itu memberi sebarang ulasan berhubung kenyataan Dr Mahathir semalam.

"Kita mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap sebarang perkembangan yang berlaku berhubung isu berkenaan," katanya.

Beliau juga berkata parti itu tidak terbabit dalam pertemuan antara Perdana Menteri dengan pemimpin parti komponen BN Sabah esok.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, berkata keputusan Dr Mahathir memanggil pemimpin parti komponen menunjukkan pandangan semua pihak sentiasa diambil kira sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat.

Katanya, perbincangan berkenaan diharap dapat menyelesaikan isu berkenaan secepat mungkin, sekali gus menamatkan pertikaian yang berpanjangan.

"Komponen BN terutama Umno akur dengan sebarang keputusan Perdana Menteri selepas pertemuan itu kelak," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Sabah, Datuk Dayang Mahani Tun Ahmad Rafaei berharap hasil perbincangan itu dapat memberi satu keputusan yang baik kepada pemimpin komponen BN dan rakyat Sabah.

(END)